

INTERVENSI VIDEO MODEL DIRI DALAM MENINGKATKAN TUMPUAN MURID-MURID ATTENTION DEFICIT HYPERACTIVITY DISORDER (ADHD)

Halimaton Saadiah binti Abdul Razak
Universiti Kebangsaan Malaysia
Tel : 011-41554358 Email : halimatonrazak89@gmail.com.my

Dr. Mokhtar bin Tahar
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
Tel : 019-2143210 Email : mokhtar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Apabila murid-murid memberikan sepenuh perhatian dan respon yang baik dalam bilik darjah maka keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran telah tercapai. Keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran adalah apabila murid-murid memberi sepenuh perhatian dan respon yang baik di dalam bilik darjah. Murid-murid yang mengalami masalah “*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*” (ADHD) adalah antara golongan yang lemah dari aspek penguasaan kemahiran belajar berikutan pengekalannya yang singkat dan kesukaran untuk memastikan pelajaran yang disampaikan diperolehi dengan kadar yang sepatutnya. Penggunaan intervensi video model diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu usaha untuk meningkatkan daya tumpuan dan kemahiran belajar murid-murid ADHD. Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan ke atas empat orang murid bermasalah pembelajaran yang berumur lapan hingga sepuluh tahun yang dikenalpasti mempunyai masalah ADHD dan ciri-ciri kurang daya tumpuan. Kajian ini telah dijalankan di Program Pendidikan Khas Integrasi di sebuah sekolah sekitar daerah Alor Gajah, Melaka. Intervensi menggunakan video model diri dilaksanakan ke atas sampel bagi mengenalpasti kesan penggunaan video model diri terhadap daya tumpuan mereka. Daya tumpuan murid sebelum intervensi dan selepas intervensi diukur menggunakan skor ujian pra dan ujian pasca. Data yang direkod dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan daya tumpuan sampel meningkat melebihi 80% apabila intervensi diberikan. Data juga dikumpul melalui pemerhatian dan temubual. Intervensi video model diri dapat mengurangkan masalah tingkah laku mengganggu semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Ini turut menjadi faktor pengekalannya daya tumpuan sampel semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mempunyai implikasi kepada konteks pedagogi untuk murid-murid bermasalah pembelajaran.

Kata kunci : *ADHD, tumpuan, intervensi , video model diri,*

ABSTRACT

When pupils give full attention and good response in the classroom, the effectiveness of a teaching and learning process has been achieved. The effectiveness of a teaching and learning process is when pupils give full attention and good response in the classroom. Pupils suffering from Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) are among those who are weak in the aspect of acquiring learning skills due to the preservation of a short focus and the difficulty in ensuring that lessons are delivered at the appropriate rate. The use of self-modeling video interventions in the teaching and learning process is an attempt to increase the focus and learning

skills of ADHD students. This study is a case study conducted on four eight-to-ten year-old problem-solving learners identified as having ADHD problems and less focused features. This study was conducted in the Integrated Special Education Program at a school around the district of Alor Gajah, Melaka. Intervention using self-modeling video is performed on samples to identify the effects of using self-modeling video on their concentration. The focus of the students before the intervention and after the intervention was measured using pre test scores and post-test. The data recorded were analyzed using descriptive statistics. The results showed that the focus of the sample increased by more than 80% when the intervention was given. The data were also collected through observations and interviews. Self-model video interventions can reduce the problem of disturbing behavior during the teaching and learning process. This is also a factor in retention of sample concentration during the teaching and learning process. This study has implications on pedagogical contexts for problem-solving students.

Key words: ADHD, focus, intervention, self-model video,

PENGENALAN

Elemen penumpuan amat penting dalam dunia pendidikan .Kemahiran tumpuan membantu mempertingkatkan kemahiran yang diperlukan di sekolah seperti kemahiran membaca, mengira dan menulis. Persepsi juga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kemahiran tumpuan berikutan ia akan mempengaruhi pandangan manusia terhadap ransangan yang wujud di persekitaran. Tetapi, sekiranya murid tidak dapat memberikan tumpuan pada apa yang diajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran, maka potensi mereka tidak memahami isi pelajaran adalah amat besar. Hal ini akan menjadikan jurang antara kejayaan dan kegagalan turut semakin ketara.

Murid-murid ADHD merupakan antara murid yang berisiko dalam aspek pemahaman dan penyimpanan maklumat berikutan keupayaan mereka dalam memberi tumpuan adalah lemah. Maramis (1994) menyatakan bahawa murid-murid ADHD mempunyai tumpuan yang sangat lemah dan dapat dikenalpasti dengan ciri-ciri tersebut iaitu gangguan untuk memberikan tumpuan, sifat impulsif dan hiperaktif. Kusumawati (2010) menyatakan tingkahlaku kanak-kanak ADHD telah menyebabkan daya tumpuan murid-murid ADHD sangat lemah sepertimana yang diperhatikan tingkahlaku ADHD yang sering dilakukan tiga murid-murid ADHD adalah sering mundar-mandir semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan atau semasa menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru, melakukan gerakan fizikal seperti tangan selalu memukul-mukul meja sehingga menimbulkan pergaduhan antara rakan-rakannya, memainkan pensel atau benda yang ada padanya sehingganya menimbulkan bunyi yang kurang selesa, berlari di dalam bilik darjah, keluar masuk bilik darjah dengan memberikan pelbagai alasan, tidak dapat menumpukan perhatian dalam jangka waktu masa yang lama, mudah bosan dan menggoyang-goyangkan kaki semasa menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk mengamati dan menapis maklumat penting yang wujud daripada pelbagai ransangan di persekitaran mereka. Seterusnya ini akan menjejaskan beberapa kemahiran belajar termasuklah mendengar dan menerima arahan, melibatkan diri dalam aktiviti PdPc serta kerap melakukan kesalahan dalam kerja rumah (Dogru 2014). Dalam masa yang sama, pemahaman terhadap konsep-konsep akademik yang turut terjejas ini boleh meransang murid-murid ini bertingkah laku mengganggu dalam bilik darjah (Haraway 2012). Dengan memberikan intervensi yang bersesuaian kepada murid bermasalah pembelajaran diharapkan dapat membantu meningkatkan daya tumpuan mereka semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan.

Penggunaan video model diri sebagai intervensi merupakan usaha yang cuba diketengahkan dalam kajian ini. Video model diri yang memfokuskan kepada video dengan menggunakan

dirisendiri sebagai model dilihat mampu menarik perhatian murid bermasalah pembelajaran untuk terlibat aktif dan memberikan tumpuan yang baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan video model diri sebagai intervensi adalah berdasarkan hasil kajian-kajian lepas yang menunjukkan penggunaannya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran berupaya memberi impak positif kepada kemahiran belajar murid-murid di sekolah (Ulker 2016 ; Szu Yin 2015 ; Dacia 2017 ; Cheryl 2016).

Seterusnya, Mastropieri & Scruggs (2006) menyatakan bahawa video model diri adalah sangat afektif kepada murid-murid kerana menggunakan pembelajaran melalui visual sekaligus dapat menimbulkan motivasi dalam diri murid-murid. Dapatan Cheryl dan Samantha (2016) menunjukkan video model diri adalah sangat berkesan kepada kanak-kanak yang mengalami masalah tingkah laku dan dapat mengurangkan masalah tingkah laku murid-murid di dalam bilik darjah. Terdapat tiga prinsip asas penggunaan intervensi video iaitu pengulangan, model dan berasaskan teori pembelajaran sosial Bandura (Cheryl 2016). Seterusnya, Bandura (1977) menyatakan bahawa teori pembelajaran sosial adalah landasan untuk memberikan motivasi kepada murid-murid melalui aspek peniruan.

VIDEO MODEL DIRI KEPADA MURID “ADHD”

Tumpuan murid ADHD yang menjadi masalah utama untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran berpotensi untuk dipertingkatkan melalui intervensi video model diri. Helen (2016) menyatakan kajiannya dapat membuktikan bahawa daya tumpuan murid-murid ADHD dapat ditingkatkan melalui peniruan terhadap diri sendiri dan kemahiran yang diperolehi dengan menggunakan aplikasi video model diri. Video model diri dapat melatih seseorang individu untuk berdikari bagi menunjukkan tingkah laku yang diinginkan khususnya memberikan tumpuan dalam bilik darjah. Dowrick (1999) menyatakan video model diri menekankan aspek peniruan dan menjadikan diri sendiri sebagai model dan memupuk sikap berdikari untuk mengubah tingkah laku yang diinginkan. Penggunaan model diri sendiri sebagai model mampu menimbulkan persepsi positif murid ADHD seterusnya menjadi rangsangan utama kepada murid untuk kekal belajar.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kajian kes yang berfokus untuk mengekal dan meningkatkan satu tingkah laku sasaran dalam kalangan murid ADHD. Tingkah laku sasaran yang dipilih dalam kajian ini ialah daya tumpuan. Pemilihan tingkah laku ini adalah disebabkan kecenderungan murid yang mudah terganggu terhadap pelbagai rangsangan di persekitaran semasa mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Data tumpuan murid diukur secara peratusan melalui pemerhatian dalam dua keadaan iaitu keadaan baseline dan keadaan intervensi. Keadaan baseline dalam kajian ini adalah dimana daya tumpuan sampel diukur sebelum dan selepas menerima intervensi video model diri dan mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran seperti biasa yang ditetapkan dalam jadual waktu mereka.

Daya tumpuan sampel diambil selama lima minit dalam tempoh satu jam semasa mengikuti proses pengajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah. Keadaan intervensi merujuk situasi dimana data tumpuan diambil selama lima minit dalam tempoh satu jam semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan intervensi video model diri. Pemerhatian ke atas sampel dilakukan dengan membuat aplikasi struktur A-B-A dimana :

A- Keadaan baseline, data tumpuan sampel direkod sebelum intervensi diperkenalkan.

B- Keadaan intervensi, data tumpuan sampel direkod semasa proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan intervensi video model diri.

A- Keadaan baseline, data tumpuan sampel direkod apabila intervensi pertama ditarik balik.

Daya tumpuan murid sebelum intervensi iaitu semasa fasa baseline dan semasa fasa intervensi diukur dengan menggunakan Borang Pemerhatian Baseline dan Borang Pemerhatian Intervensi. Data yang direkod dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu dengan melihat jumlah sela dan peratusan daya tumpuan.

Kajian ini jugamenggunakan instrumen iaitu ujian pra dan pasca. Ujian pra dan pasca dilakukan untuk menilai tahap keberkesanan intervensi Video Model Diri terhadap daya tumpuan murid ADHD. Seterusnya, dokumen laporan intervensi video model diri diperolehi untuk melihat aspek perubahan responden semasa kajian dilaksanakan. Penyelidik juga melakukan temu bual untuk memperolehi perspektif guru mengenai kesan intervensi Video Model Diri terhadap murid-murid yang mengalami masalah ADHD.

SAMPEL KAJIAN


Sampel kajian ini terdiri daripada tiga orang murid lelaki yang berumur 7 hingga 10 tahun manakala seorang murid perempuan yang berumur 8 tahun dari Program Pendidikan Khas Integriti (Masalah Pembelajaran) di salahsebuah sekolah di Alor Gajah.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu bagi melihat sejauh manakah tingkah laku ADHD menyebabkan kurang daya tumpuan baseline sampel semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dan semasa fasa intervensi. Dapatan kajian dipaparkan dengan memaparkan perbandingan peratusan daya tumpuan sampel semasa fasa baseline dan fasa intervensi.


Tumpuan sampel semasa keadaan A-B-A

Rajah 1 : Tumpuan Responden 1 semasa keadaan ABA




Dalam situasi A, daya tumpuan yang ditunjukkan oleh sampel 1 menunjukkan berada pada tahap yang tidak memuaskan iaitu di tahap yang rendah dan mendatar sekitar 20 peratus (%) dan berada di bawah paras 40 peratus (%) (Rajah 1). Dalam situasi B pula, peratus daya tumpuan menunjukkan peningkatan yang sangat ketara apabila perekodan data mencapai sehingga 80%. Apabila intervensi ditarik balik ,iaitu pada fasa c,sampel telah berjaya mengekalkan 80% hingga 100% tumpuannya. Tumpuan responden 2 semasa keadaan A-B-A

Rajah 2 : Tumpuan Responden 2 semasa keadaan ABA



Dalam situasi A, sampel 2 telah menunjukkan daya tumpuan yang tidak konsisten dan berada di tahap yang paling rendah dan tidak konsisten iaitu antara 7% hingga 20% (Rajah 2). Peningkatan sehingga mencapai 80 peratus semasa keadaan intervensi dijalankan dengan catatan rekod daya tumpuan daripada 20% hingga 80%. Rekod daya tumpuan responden telah menunjukkan berlaku peningkatan sehingga mencapai 100%


Rajah 3 : Tumpuan Responden 3 semasa keadaan ABA



Dalam situasi A, sampel 3 telah menunjukkan daya tumpuan yang tinggi iaitu antara 80% ke 90%. Semasa keadaan intervensi, rekod daya tumpuan masih berada di tahap yang sama iaitu antara 80% ke 100%. Begitu juga pada keadaan penarikan intervensi, rekod daya tumpuan masih konsisten berada tahap 80% ke 100%. Keadaan ini berlaku kerana sampel 3 telah mendapatkan rawatan ubatan daripada pakar perubatan kanak-kanak bagi menurunkan kadar hiperaktif supaya dapat meningkatkan daya tumpuan murid untuk belajar dengan lebih baik. Melalui pemerhatian saya terhadap murid tersebut, kadar hiperaktif murid tersebut menurun setelah mendapat rawatan ubat tersebut.

Tumpuan sampel 4 semasa keadaan A-B-A

Rajah 4 : Tumpuan Responden 4 semasa keadaan ABA




Dalam situasi A, sampel 4 telah menunjukkan daya tumpuan yang tidak konsisten dan berada di tahap yang paling rendah berbanding sampel-sampel yang lain iaitu antara 3% hingga 15% (Rajah 4). Terdapat peningkatan berlaku semasa keadaan intervensi dijalankan dengan catatan rekod daya tumpuan 85 % dan semakin meningkat pada fasa penarikan intervensi.

UJIAN PRA DAN PASCA

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu bagi menguji keberkesanan video model diri dalam meningkatkan daya tumpuan murid ADHD.

Rajah 5 : Perbezaan Peratusan Ujian Pra dan Pasca



Dapatan kajian menunjukkan empat orang responden telah menunjukkan peningkatan setelah menjalankan intervensi video model diri dalam tempoh dua minggu iaitu sebanyak enam sesi intervensi video model diri telah dijalankan kepada responden. Responden pertama telah menunjukkan peningkatan sebanyak 50% ,responden kedua 65 %,responden ketiga sebanyak

19% dan responden keempat sebanyak 60%. Skor pencapaian ini menunjukkan peningkatan daya tumpuan murid setelah menjalankan intervensi video model diri. Pencapaian ini telah membuktikan bahawa intervensi video model diri dapat membantu responden meningkatkan daya tumpuan.

TEMUBUAL

Hasil dapatan protokol temubual digunakan bagi mendapatkan perspektif yang berbeza daripada guru tentang hasil keberkesanan intervensi video model diri terhadap murid ADHD.

RESPONDEN 1

Melalui hasil temubual dengan guru, aspek perubahan yang meningkat telah ditunjukkan oleh responden 1. Guru tersebut telah mengenali aspek perubahan dari segi daya tumpuan murid, tidak mengganggu rakan, kurang bercakap di dalam kelas dan tidak bergaduh dengan rakan. Guru telah menyatakan aspek-aspek perubahan semasa sesi temubual dijalankan. Sebagai contoh ;

“.....sebelum ni daya tumpuan dia dalam di tahap yang kurang memuaskan...dia suka mengganggu rakan, suka bercakap dan cari gaduh dengan rakan-rakan dalam kelas...selepas intervensi video model diri dijalankan..daya tumpuan di dalam kelas semakin meningkat tak macam sebelum ni..dia dah tak macam sebelum ini.. ada peningkatan.. bagi saya intervensi video model diri berkesan untuk murid tersebut...”

Secara keseluruhan, guru R1 amat berpuas hati dengan intervensi video model diri yang telah dijalankan.

RESPONDEN 2

Responden 2, menunjukkan perubahan yang ketara. Guru telah mengenali tingkah laku agresif yang semakin berkurangan dan daya tumpuan di dalam kelas semakin meningkat. Contohnya :

“...daya tumpuan dia dalam kelas sebelum ni memang di tahap yang paling teruk...dia merupakan murid baru di sekolah tersebut..sukar untuk semua guru menguruskan tingkah laku dia...daya tumpuan dia hanya sekejap sahaja...disebabkan masalah tingkah laku..daya tumpuan dia memang sangat rendah...dia suka mengganggu rakan, bercakap, berlari dalam kelas, keluar kelas tanpa kebenaran guru, tidak menyelesaikan tugas yang guru berikan...tidak boleh duduk diam di dalam kelas..saya kalau mengajar kelas tu..saya rasa tension sangat...tapi selepas murid tersebut menjalankan intervensi video model diri..tingkah laku agresif murid tersebut semakin berkurangan.... Daya tumpuan dia pun semakin meningkat...”

Keseluruhannya, guru R2 amat berpuas hati dengan intervensi video model diri dan memberikan cadangan supaya intervensi ini diteruskan bagi meningkatkan daya tumpuan murid tersebut dan mengawal tingkah laku agresif murid tersebut secara total.

RESPONDEN 3

Responden 3 telah menunjukkan peningkatan daripada aspek kognitif dan aspek daya tumpuan bertambah baik seperti boleh memberikan fokus kepada subjek matematik yang dipelajarinya dengan baik. Contohnya :

“...tingkah laku dia sebelum ni dapat dikawal..sebab ada kesan ubat yang ibu dia berikan...dari segi daya tumpuan dan perubahan tingkah laku tidak terlalu ketara tetapi masih terdapat peningkatan...sebelum ni, semasa belajar dia kurang fokus..sekarang lebih fokus...bagi saya video model diri dapat membantu murid tersebut yang mempunyai masalah kurang daya tumpuan”

Secara keseluruhan, guru R3 amat berpuas hati dengan intervensi video model diri yang telah dijalankan.

RESPONDEN 4

Responden 4 menunjukkan peningkatan daya tumpuan dan pengurangan masalah tingkah laku.

“...sekarang dia dah tak ambil barang kawan dan guru tanpa kebenaran.”

“..kalau dulu hasil tugasan dia sangat teruk..kerja dia cincai....sakit mata saya..tapi sekarang hasil kerja dia dah ada peningkatan daripada sebelum ni...”

“daya tumpuan dia meningkat bukan macam sebelum ni..suka keluar kelas tanpa kebenaran,,mengejek rakan...menggangu rakan...mereka cipta sesuatu daripada kertas...banyak perubahan yang ditunjukkan selepas intervensi video model diri”

Daya tumpuan responden juga meningkat apabila responden dapat memberi tumpuan. Secara keseluruhan guru amat berpuas hati dengan intervensi video model diri yang telah dijalankan.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kekurangan Daya Tumpuan

Murid-murid ADHD sering kali sukar memberi tumpuan dalam tempoh tertentu, bertindak tanpa berfikir, bergerak secara keterlaluan, gagal mematuhi arahan dan sukar duduk di satu-satu tempat dalam tempoh yang panjang. Ini dapat menjadi halangan kepada pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran disebabkan masalah yang dialami oleh murid-murid ADHD. Jamila K. A. (2005), ketidakupayaan ini menunjukkan bahawa murid-murid ini memerlukan kurikulum yang khusus dan kaedah pengajaran yang sesuai. Jangka penumpuan yang pendek dan kurang berkebolehan memahami maklumat menyebabkan murid-murid ADHD tidak dapat mengikut pelajaran yang diajar oleh guru yang menggunakan kaedah dan prosedur pengajaran yang biasa disebabkan pelajar (Sharani A. 2004).

Murid ADHD mempunyai kesukaran dalam aktiviti pembelajaran khususnya merujuk kepada kemahiran menguasai bahasa atau kemahiran-kemahiran lain seperti membaca, menulis, dan mengira disebabkan ciri-ciri ADHD yang terdapat dalam diri mereka. Barkley (1998) menjelaskan murid ADHD signifikan dengan kurang tumpuan, impulsif dan hiperaktif. Turkington dan Harris (2003) berpendapat, murid-murid dikategorikan sebagai bermasalah pembelajaran yang mempunyai kurang upaya berkaitan keupayaan untuk memfokuskan tumpuan mereka terdapat dalam lingkungan 20 peratus daripada jumlah murid-murid Pendidikan Khas.

Dengan ini, kajian-kajian lepas dapat membuktikan bahawa murid-murid ADHD mengalami masalah kurang daya tumpuan yang menyebabkan gangguan pembelajaran dalam diri mereka. Justeru itu, sebuah pendekatan yang dinamakan sebagai video model diri telah berjaya dibangunkan bagi mengatasi masalah kurang daya tumpuan di kalangan murid-murid ADHD.

Intervensi Video Model Diri

Video model diri dibina bagi meningkatkan pelbagai aspek dalam akademik seperti kemahiran sosial, kemahiran bahasa mahupun pengubahsuaian tingkah laku. Video model diri dapat membantu meningkatkan pelbagai aspek dalam akademik atau prestasi tingkah laku (Rachel 2009). Video model diri dapat membantu murid-murid ADHD yang mengalami masalah kurang daya tumpuan. Video model diri dapat meningkatkan daya tumpuan Murid ADHD untuk menyelesaikan satu tugasan (Helen 2016). Intervensi video model ini dibangunkan dan dibina berdasarkan teori pembelajaran sosial Bandura. Bandura (1997) menyatakan seseorang individu akan lebih bermotivasi apabila melihat kejayaan yang telah dilakukan oleh diri sendiri dan ia

jasas menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk mencapai kejayaan. Video Model diri berdasarkan teori pembelajaran Sosial yang menyatakan bahawa manusia belajar melalui peniruan secara semulajadi iaitu melalui proses peniruan dan pemerhatian (Noriati 2017). Ini jelas menunjukkan bahawa video model diri dilaksanakan melalui proses peniruan dan pemerhatian ke atas diri sendiri bagi mengubahsuai tingkah laku yang tidak diinginkan khususnya daya tumpuan rendah.

Kajian-kajian lepas dapat membuktikan bahawa video model diri dapat memberi impak positif kepada masalah tingkah laku khususnya kurang daya tumpuan. Video model diri adalah sangat berguna untuk menggalakkan pemerolehan kemahiran, meningkatkan prestasi kemahiran atau mengurangkan tingkah laku yang bermasalah (Bellini & McConnell 2010). Video model diri amat berkesan kepada murid walaupun dijalankan selama enam minggu. Szu (2015) mengatakan video model diri memberikan pengaruh yang positif dalam mengurangkan masalah tingkah laku murid yang mempunyai masalah tingkah laku dalam tempoh enam minggu. Video model diri ini juga mampu mengubah tingkah laku murid sekaligus meningkatkan keyakinan diri murid. Dowrick (1999), berpendapat dengan menonton tayangan video dapat mengubah tingkah laku bermasalah sekaligus dapat meningkatkan keyakinan diri murid. Hart (2010) apabila seseorang individu meniru tingkah laku diri sendiri maka ia dapat meningkatkan keyakinan diri melalui pencapaian diri mereka. Seterusnya, dalam kajian yang dijalankan oleh Helen dan Julia (2017) yang menggunakan Video Model Diri dalam mengurangkan tingkah laku negatif dalam bilik darjah.

Peningkatan Daya Tumpuan Murid-Murid ADHD

Video model diri ialah dapat membantu responden mengurangkan tingkah laku negatif kepada perubahan tingkah laku positif. Video model diri dapat meningkatkan sifat-sifat pengukuhan tingkah laku yang ditunjukkan di dalam video dan menjadikan individu lebih cenderung untuk tidak mengulangi tingkah laku yang tidak diinginkan (Axelrod, Bellini, & Markoof, 2014).

Video Model diri dapat memberikan keseronokan kepada murid kerana mereka dapat menonton tingkah laku mereka dan berbincang bersama penyelidik bagi memperbetulkan tingkah laku negatif murid kepada tingkah laku yang diinginkan. Mengikut teknik ini, perasaan, pemikiran dan kepercayaan adalah perkara-perkara yang boleh dipelajari (Hyman 1997). Melalui pendekatan ini tingkah laku dibentuk melalui pengalaman. Oleh itu, untuk membentuk tingkah laku murid-murid ialah dengan cara menyelami perasaan dan pemikiran murid-murid dengan unsur-unsur nasihat dan perbincangan. Maka, pembentukkan tingkah laku dapat dilakukan kepada murid yang mengalami masalah tingkah laku. Tingkah laku bermasalah ataupun tidak berdisiplin dapat dihindari dan seterusnya melahirkan tingkah laku yang baik (Alberto & Troutman 1990, Bandura 1977, Skinner 1982 & Axelrod 1983). Dengan menggunakan teknik ini murid akan berasa terhibur dan menunjukkan minat untuk belajar. Murid berasa seronok dan memberikan perhatian terhadap proses ini (Dowrick 1999; Hosford 1981; Buggey 2005). Dengan ini, murid-murid ADHD mendapat kelebihan untuk mengekalkan tingkah laku yang diinginkan. Teknik ini mempunyai kelebihan untuk mengekalkan tingkah laku yang hendak diubah (Billias 2012.).

Selain itu, teknik ini dapat merangsang pelbagai deria melalui jalinan pelbagai media seperti audio, grafik dan sebagainya. Murid akan lebih tertarik untuk mengetahui tingkah laku mereka di dalam kelas selepas proses Proses pengajaran dan pembelajaran kerana penyelidik akan menunjukkan semula rakaman video untuk dipertontonkan oleh murid yang mengandungi media, grafik dan audio. Menurut Gibson (1969) mendefinisikan pengamatan dari segi fungsinya iaitu sebagai satu proses di mana maklumat tentang dunia sekitar diperolehi secara langsung. Pengamatan ada aspek fenomenanya iaitu kesedaran terhadap peristiwa-peristiwa yang sedang berlaku di persekitaran serta mempunyai aspek gerak balas yang melibatkan proses pembezaan

dan pemilihan gerak balas terhadap rangsangan. Murid menerima maklumat tentang diri mereka akan di rakam adalah secara langsung kerana penyelidik telah memasang kamera perakam di dalam kelas dan murid dapat menonton tingkah laku dirinya selepas proses pengajaran dan pembelajaran.

IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan intervensi video model diri mempunyai kelebihan yang dapat memberikan impak positif kepada responden. Pembangunan Video Model Diri sangat sesuai dijadikan sebagai bahan sokongan pembelajaran. Justeru, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada golongan sasaran penyelidik iaitu:

Murid ADHD

1. Kajian ini memberi peluang kepada murid-murid ADHD yang mempunyai masalah kurang daya tumpuan untuk belajar dengan lebih baik.
2. Murid dapat menunjukkan peningkatan pencapaian yang memberangsangkan.
3. Intervensi video model diri dapat memudahkan proses menerima maklumat, membantu murid meningkatkan kefahaman kerana murid mempunyai daya tumpuan yang baik.

Guru

1. Hasil kajian dapat memberikan implikasi penting kepada guru dalam proses mereka untuk meningkatkan daya tumpuan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dengan menjadikan pembangunan intervensi video model diri ini sebagai panduan.
2. Guru dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dengan menggunakan intervensi video model diri.
3. Guru dapat melihat sejauh mana peningkatan pencapaian murid dalam menjalankan video model diri. Seterusnya, murid yang ketinggalan dapat dibantu dengan lebih cepat.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Video model diri merupakan satu teknik pengubahsuaian tingkah laku yang turut menjadi faktor pengekalan daya tumpuan murid-murid ADHD semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang masih belum diketengahkan di Malaysia dan merupakan suatu teknik yang begitu asing dalam sistem pendidikan di negara Malaysia. Penggunaan video model diri perlu disebarluaskan penggunaannya dan dijadikan bahan penyelidikan masa akan datang dalam menangani isu kurang daya tumpuan di kalangan murid ADHD. Melalui penyelidikan, kita dapat mengenalpasti kelemahan teknik ini. Dengan ini, kita dapat menjalankan penambahbaikan terhadap intervensi ini supaya lebih mantap dan efisien bagi meningkatkan daya tumpuan murid-murid ADHD.

Teknik ini haruslah dimajukan dan dibangunkan sebagai inovasi baharu dalam mengatasi masalah daya tumpuan di kalangan murid ADHD. Oleh yang demikian, hasil daripada kajian ini dapat menambah pengetahuan guru, ibubapa mahupun masyarakat dalam melaksanakan teknik-teknik yang berkesan bagi meningkatkan daya tumpuan di kalangan murid-murid ADHD.

KESIMPULAN

Pemilihan strategi pengurusan tingkah laku negatif kanak-kanak ADHD haruslah bertepatan dengan tingkah laku negatif yang ditonjolkan. Hal ini kerana, jika strategi pengurusan tidak selaras dengan tingkah laku negatif pasti isu daya tumpuan murid ini akan berlarutan pada masa akan datang. Maka murid-murid ADHD ini akan berterusan mempunyai masalah tingkah laku seperti daya tumpuan sehingga akhir hayatnya. Oleh sebab itu, strategi yang bertepatan dan

sesuai dengan masalah tingkah laku negatif murid lazimnya merangkumi kesediaan guru untuk menjalankan strategi, perkembangan pengurusan tingkah laku serta kesesuaian strategi dengan tingkah laku negatif murid tersebut. Justeru itu, semua pihak haruslah berganding bahu dalam melakukan suatu anjakan paradigma dalam merancang dan membuat tindakan awal agar kemenjadian murid ADHD selaras dengan perkembangan era globalisasi in

RUJUKAN

- Cheryl A. & Samantha.(2016). Using Video Self-Modelling To Increase Active Learning Responses During Small-Group Reading Instruction For Primary School Pupils With Sosial Emotional And Mental Health Difficulties. *Journal Emotional and Behavioural Difficulties*, 20:3 277-288.
- Dacia M. M., Julie Q. M., Dave W. B., Hilary D. K. & Lauren K. Donovan. 2017. Using Ipad Tablets For Self Modeling With Preschoolers : Video Versus Photos, *Psychology*, 1-16.
- Geri M. H., Steven G. L. & Angeleque A. L.(2017).Video Self Modelling As An Intervention For Remediating Dysgraphia In Children With Autism Spectrum Disorders. *Australian Journal Of Learning Difficulties*.1-18.
- Helen R. & Julia H.(2016). Video Self modelling :An Intervention For Children With Behavioural Difficulties, *Educational Psychology In Practice*, 94-99.
- Manisah M. A. & Norizza S. (2016). Intervensi Meningkatkan Tumpuan Dalam Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1-6.
- Mellisa A. C., Lindsay M. F., Austin H. J. & Lisa M. H. (2011). Constructing Self Modelling Videos : Procedures and Technology, *Psychology In The School*, Vol. 49(1)3-14.
- Nicholas W. G., Candace A. & Scott M. (2012). Video Self Modelling As An Intervention Strategy For Individuals With Autism Spectrum Disorders, *Psychology In The School*.15-22.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rachel C.(2009). The Effect Of A Self-Monitoring And Video Self-Modeling Intervention To Increase On-Task Behavior For Children With Attention Deficit Hyperactivity Disorder. *Counseling And Educational Psychology*.1-13.
- Roshiza.(2015). Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kurang Upaya Tumpuan Dan Hiperaktif (ADHD), *Universiti Sains Malaysia*, 1-349.
- Szu Y. & Sonia B.(2015). The Effects Of Video Self-Modeling On High School Students With Emotional And Behavioural Disturbance, *Preventing School Failure*, 59 (4) 207-216.
- Ulker S.(2016). Video Self Modeling Technique That Can Be Used In Improving The Abilities Of Fluent Reading And Fluent Speaking, *International Educational Studies*, Vol. 9, No.11.
- Wati K.2017. Pemerolehan bahasa pada anak hiperaktif yang sulit memusatkan perhatian. *Badan Pengembangan Dan Pembinaan Bahasa*.223-233.